

TEKS UCAPAN

PROFESOR Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KARNIVAL PENGHAYATAN ALAM
SEKITAR 2022 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(KPAS 2022 UTeM)**

1 Jun 2022 (Rabu)

**Kompleks Dewan Kuliah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka
(UTeM)**

Bismillah hirrahman nirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin
Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Musthafah bin Mohd
Tahir**

Pengarah, Pejabat Keselamatan Pekerjaan dan Kelestarian
Alam Sekitar

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti,

Ketua-Ketua Jabatan,

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1) Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapat kita sama-sama berhimpun dan bertemu pada petang ini bersempena Majlis Perasmian Program Karnival Penghayatan Alam Sekitar 2022, peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka.


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2) Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat

Keselamatan Pekerjaan dan Kelestarian Alam Sekitar UTeM serta semua warga Universiti yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan sambutan Program Karnival Penghayatan Alam Sekitar 2022 atau KPAS 2022 UTeM.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

- 3) Seperti yang telah dimaklumkan, KPAS 2022 UTeM yang dijalankan sepanjang tahun ini merupakan kesinambungan dari penganjuran Minggu Alam Sekitar yang telah diperkenalkan di UTeM sejak tahun 2013 lagi.

- 
- 4) Pada tahun ini, pelbagai pengisian telah diaturkan sebaik-baiknya bagi memeriahkan lagi sambutan KPAS 2022 UTeM, merangkumi 8 jenis aktiviti utama yang dimeriahkan dengan 10 jenis pertandingan berkaitan kesedaran kelestarian alam sekitar.
 - 5) Diharapkan menerusi semua program dan aktiviti-aktiviti yang dirancang rapi ini dapat meningkatkan lagi kesedaran keluarga UTeM, komuniti IPT dan masyarakat setempat terhadap kepentingan untuk terus memelihara dan memulihara alam sekitar demi kebaikan serta

kesejahteraan ekosistem persekitaran khususnya di dalam lingkungan Universiti sendiri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

- 6) Tema sambutan KPAS 2022 pada tahun ini adalah **“Amalan Hijau Memperkasa Agenda UTeM Lestari”**.

Tema ini amat bersesuaian dan selari dengan agenda SSG Universiti dalam *Goal 6: Smart And Dynamic Campus UTeM*.

- 7) Bukan itu sahaja, melalui pelaksanaan aktiviti yang dirancang dengan mengambil kira keterangkumannya dalam skop *Sustainability Development Goals* di dalam PPAS 2022 ini, diharapkan ianya dapat mengukuhkan kedudukan Universiti di dalam ranking *UIGreenMetric (UIGM)* dan *The Higher Education (THE) Impact Rankings* kelak.
- 8) Untuk makluman semua, kedudukan semasa UTeM dalam UI GreenMetric World University Ranking on Sustainability 2021 adalah di kedudukan 110 daripada 956 buah

universiti yang mengambil bahagian seluruh dunia. Manakala bagi penarafan Energy Management Gold Standard pula, UTeM telah berjaya memperolehi penarafan tertinggi 3 Bintang pada 17 Mei 2022 yang lepas.

- 9) Insya Allah, dengan segala usaha bersama dan perancangan strategik yang telah dikenalpasti, saya amat yakin pencapaian baik ini dapat dipertingkatkan ke aras yang lebih cemerlang pada tahun mendatang.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

10) Akhir kata, saya berharap, menerusi penganjuran program bermanfaat seumpama ini, dapat meningkatkan lagi kesedaran dan rasa tanggungjawab kita dalam memastikan kesejahteraan dan kelestarian persekitaran yang perlu diberikan perhatian khusus terutamanya di dalam konteks Universiti tercinta ini.

جامعة ماليزيا بريمن

Kalau berjalan ke hujung muara,

Singgah berehat di tepi taman;

Warga prihatin bumi terpelihara,

Menjadi warisan zaman berzaman.

11) Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Perasmian Program Karnival Penghayatan Alam Sekitar 2022 peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.